

Headline **MPPP anjur Hari Raya Hijau dan Bersih**
Date **26 Sep 2011**
MediaTitle **Berita Harian (Utara)**
Section **Berita**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **231,163 / 1,368,000**

Language **Malay**
Page No **I-4**
Article Size **86 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,461**
PRValue **4,383**



MPPP anjur 'Hari Raya Hijau dan Bersih'

GEORGETOWN: Prihatin dengan masalah kebersihan alam sekitar dan kesihatan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Jawatankuasa Kampung Sungai Gelugor di sini, akan mengadakan program komuniti dan pendidikan 'Hari Raya Hijau dan Bersih', Jumaat ini.

Program berkenaan akan diadakan di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sungai Gelugor, Jalan Ismail Nagore bermula jam 3 petang.

Yang Dipertua MPPP, Patahiyah Ismail, berkata program berkenaan terbahagi kepada tiga komponen iaitu pameran, ceramah, taklimat dan demonstrasi serta acara penanaman pokok.

"Kami mensasarkan seramai 1,000 penduduk terutama di Gelugor menyertai program ini," katanya.

Menerusi program itu, penduduk akan diberikan pendedahan berkaitan masalah dan isu dalam masyarakat yang semakin meruncing melalui kempen kesedaran kepentingan menjaga alam sekitar, kebersihan, keselamatan, perpaduan, kesihatan dan kehijauan.

Aktiviti tanaman pokok membabitkan penanaman pokok teduhan sebanyak 10 pokok spesies 'Gelugor' yang akan ditanam di Gelugor oleh Institut Penyelidik Perhutanan Malaysia (FRIM).

Sebanyak 20 agensi kerajaan yang mengambil bahagian termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Alam Sekitar dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.